

TARIKH	18 / 9 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	Setempat

capai tahap 84 peratus bagi musim haji 1434H tahun ini.



Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, setiap tahun, CSI itu meningkat daripada sasaran ditetapkan dan ia membuktikan komitmen TH untuk memberi perkhidmatan muassasah terbaik bagi jemaah haji Malaysia.

"Setiap tahun kami mendapat CSI jemaah haji Malaysia meningkat berbanding sasaran, ditetapkan dan bagi tahun 1434 Hijrah ini, sasaran CSI kami 84 peratus," katanya pada Majlis Talaruf Tabung Haji dengan Muassasah Tewafah Asia Tenggara di sini, malam tadi.

Bellau berkata, sasaran itu juga bersesuaian dengan piawaian pengurusan dan perkhidmatan haji di Malaysia dan Arab Saudi yang memperoleh pensijilan ISO 9001:2008 sejak 2006.

Katanya, TH memahami tindakan kerajaan Arab Saudi mengurangkan jumlah jemaah haji dari seluruh dunia pada tahun ini demi keselamatan dan kesesakan jemaah ekoran kerja menaak taraf kemudahan serta pembangunan di sekitar Masjidil Haram.

Syed Saleh berkata, jumlah jemaah haji Malaysia bagi tahun ini dikurangkan kepada 22,320 orang saja. "Kerajaan Arab Saudi memang memuji pengurusan Tabung Haji bahkan banyak negara dari seluruh dunia datang ke Tabung Haji setiap tahun untuk mempelajari sistem Tabung Haji," katanya.



PROJEK PEMBESARAN MASJIDIL HARAM

## Tidak mengganggu ibadah

Daripada Badriah Jamilus di Makkah  
jbac@mediaprima.com.my

**P**rojek pembesaran Masjidil Haram yang kini rancak dibangunkan tidak mengganggu pergerakan jemaah haji Islam ketika musim haji 1434H ini.

Ini berikutan pihak Kerajaan Arab Saudi mengambil pelbagai langkah memastikan kesesakan jemaah haji di Tanah Suci sepanjang musim haji ini.

Projek pembesaran bernilai 80 bilion Saudi Riyal itu dianggap projek pembesaran terbesar dalam sejarah Masjidil Haram dan dijangka mampu meningkatkan kemampuan untuk menampung keperluan tiga kali ganda daripada jumlah jemaah yang ada sekarang apabila siap kelak.

Tinjauan Harian Metro di sekitar kawasan projek pembinaan itu mendapati kerja menanam cerucuk giat dilakukan di bahagian luar bangunan masjid khususnya di bahagian luar ka-

JAMBATAN bertingkat dibina mengelilingi Kaabah

wasan saie, manakala kerja merangka bangunan di bahagian hadapan menghadap Kaabah menyaksikan berpuh-puluh kren pencakar langit beroperasi tanpa henti.

Bahagian luaran pula kelihatan kren bersaiz gerusi sama ada menggunakan

kan tayar atau rantai bertujuan mengelakkan berlaku kerosakan teruk pada lantai marmar di sekeliling kawasan luaran masjid ini. Pembinaan di bahagian dalam pula lebih tertumpu kepada kawasan bersebelahan saie dengan kedua-

Awam dan nputan TH